

# Langkah proaktif jana dana sendiri

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**engurangan peruntukan bagi sektor pendidikan tinggi dalam Bajet 2016 mendorong universiti awam (UA) mengambil langkah proaktif menjana dana sendiri supaya mampu terus berdaya saing dan melahirkan graduan berkemahiran tinggi serta memenuhi kehendak industri.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) antara universiti mengambil langkah bijak dengan melancarkan program MyGift sebagai platform rasmi sumbangan endowmen kepada universiti dan berjaya mengumpul dana kira-kira RM13 juta sejak diperkenalkan tahun lalu.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata inisiatif MyGift adalah respon strategik UMP terhadap seruan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk meneroka prospek endowmen dan wakaf pendidikan tinggi secara lebih intensif dengan kerjasama agensi awam,

organisasi korporat dan Majlis Agama Islam negeri. "Bawah platform MyGift, ada 10 bentuk endowmen dan tabung, iaitu Endowmen Basiswa Pelajar, Kemudahan/Fasiliti, Kursi dan Kecemerlangan serta Tabung Komuniti, Ramadan, Masjid, Bencana, Wakaf dan Prasarana.

### Cari alternatif

"Penyumbang boleh memilih untuk membuat sumbangan dana kepada mana-mana endowmen atau tabung dikehendaki dan akan disalurkan bagi manfaat dan kesejahteraan mahasiswa, kecemerlangan akademik serta pembangunan komuniti," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Inisiatif MyGift berjaya menarik pembabitan pelbagai pihak untuk membuat sumbangan, termasuk mahasiswa, fakulti, pejabat pengurusan universiti, anak syarikat universiti, syarikat swasta dan Majlis Agama Islam negeri.

Sumbangan itu sekali gus membantu UMP melaksanakan pelbagai usaha, termasuk pembangunan prasarana dan menghulurkan bantuan biasiswa kepada pelajar yang memerlukan.

## info

### Peruntukan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi

→ Bajet 2016:  
RM13.378 bilion  
→ Bajet 2015:  
RM15.785 bilion

Sementara itu Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata pihak universiti menyedari suasana ekonomi global yang turut memberi kesan kepada ekonomi negara dan kewangan kerajaan, justeru mencari alternatif untuk menjana dana bagi kegunaan universiti.

### Projek wakaf

"Kami menyambut baik harapan kementerian untuk melihat UA berdikari dan

menjana kewangan dalaman sehingga 30 peratus. Oleh itu, kami akan memanfaatkan wakaf sebagai sumber penjana dana, malah USIM menjadi satu-satunya UA yang mendapat status Muta-wali daripada Majlis Agama Islam yang membolehkan kami mengumpul dan menguruskan dana wakaf.

"Penjana secara wakaf ini akan ditumpukan kepada projek pembangunan kemudahan di dalam kampus yang terhenti kerana kekangan peruntukan daripada agensi pusat," katanya.

Beliau berkata, projek diutamakan kini ialah pembinaan kolej kediaman pelajar secara wakaf yang mana beberapa pihak sudah tampil mengadakan perbincangan serius untuk membina dua kolej kediaman secara wakaf.

"Kami ada projek wakaf yang sudah beroperasi, iaitu klinik pakar kesihatan USIM, klinik pakar bergerak dan pusat hemodialisis yang dibina melalui dana wakaf daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

### Pasarkan produk

"USIM juga mempunyai anak syarikat sebagai entiti penjana kewangan

kepada universiti, iaitu USIM Tjjarah Holding yang akan menawarkan program akademik berbentuk eksekutif bagi menjana pendapatan," katanya.

Bagi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Mohamad Shafiq Kamaruddin, pelajar perlu bijak dan kreatif dalam mencari dana tambahan untuk mengatasi masalah kekurangan peruntukan daripada pihak kerajaan supaya proses pembelajaran itu dapat diteruskan tanpa sebarang masalah kewangan.

"Memang ada mahasiswa bekerja sambil untuk membiayai kos sara hidup tanpa perlu bergantung kepada biasiswa atau pinjaman semata-mata.

"Meskipun begitu, saya berpendapat mahasiswa mungkin boleh lebih kreatif dengan berusaha mencari dana untuk memasarkan produk penyelidikan yang dihasilkan, sekali gus membuktikan bahawa penyelidikan itu bukan sahaja untuk dibukukan dan diletakkan dalam koleksi jurnal semata-mata, tetapi mampu menjana pendapatan kepada pelajar dan universiti," katanya.